

22 AUG 1996

PENYELAMAT PERWAJA DIBERI MASA ENAM BULAN UNTUK KEMUKA CADANGAN

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Pihak swasta yang dipilih untuk memulihkan Perwaja Steel Sdn Bhd diberi masa enam bulan untuk mengemukakan pelan penyelamat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, syarikat-syarikat berkenaan, Maju Holdings Sdn Bhd dan Lion Group, telah memberi taklimat awal kepada beliau mengenai masalah yang dihadapi syarikat besi waja milik kerajaan itu.

"Kita bagi enam bulan (kepada mereka) untuk mendalami masalah yang ada dan kita akan terima cadangan macam mana (untuk menyelamatkan Perwaja) daripada pihak yang akan ambil-alih," katanya kepada pemberita di Angkasapuri, di sini, selepas membuat rakaman ucapan Hari Kebangsaan yang ke-39.

Perwaja, yang mempunyai dua kilang -- masing-masing satu di Kemaman, Terengganu dan Gurun, Kedah -- menghadapi masalah kewangan sehingga menyebabkan kerugian terkumpul lebih RM2.9 ribu juta.

Mengikut formula awal, Maju Holdings diberi 51 peratus daripada ekuiti Perwaja manakala Lion Group mendapat 30 peratus dan selebihnya kekal di tangan kerajaan.

Pada awal bulan ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan akan memegang 30 peratus ekuiti di dalam Perwaja Steel bagi pihak Lion Group sehingga keputusan muktamad dicapai selepas rundingan selanjutnya.

Ketika ditanya mengenai Lion Group yang dikatakan kurang berminat untuk mengambil bahagian dalam usaha menyelamat itu kerana diberi ekuiti yang kecil, Dr Mahathir berkata, syarikat berkenaan tetap akan memberi sokongan kepada rancangan menyelamat Perwaja.

Syarikat itu bagaimanapun belum membuat keputusan sama ada untuk mengambil atau tidak ekuiti yang ditawarkan, katanya.

"Lion Group akan beri sokongan tetapi ia mungkin tidak ambil ekuiti," kata Perdana Menteri ketika ditanya mengenai pembabitan Lion Group.

Ketika ditanya alasan yang diberikan oleh Lion Group, beliau berkata: "Susah sikit dua pihak nak mengurus satu perniagaan. Kita akan lihat masalah itu." -- BERNAMA

AH MA